

**Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (1938-1970):  
Perkembangan dan Peranannya Dalam Pentadbiran Awam Brunei**

**Othman bin Haji Mat Don  
Pusat Sejarah Brunei**

Kertaskerja Perkhidmatan Pentadbiran Brunei 1938-70: Perkembangan dan Peranannya Dalam Pentadbiran Awam Brunei bukanlah bererti PPB ditubuhkan atau bermula pada tahun 1938 tetapi adalah kerana berdasarkan kepada batasan sumber yang penulis dapati dalam membuat penyelidikan dan kajian mengenai PPB. Begitu juga tahun 1970an adalah juga kerana batasan sumber yang penulis perolehi dalam fail-fail Setiausaha Kerajaan dan fail-fail Jabatan Perkhidmatan Awam yang terdapat di Arkib Negeri Brunei hanyalah berkisar dalam tahun-tahun tersebut. Dalam hubungan ini bukan bererti PPB hanya terdapat sehingga tahun 1970an. PPB sebagai kumpulan tenaga kerja dalam perkhidmatan awam malahan terus berkembang dengan pesatnya terutama setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya pada 1984 sehingga sekarang. Perbincangan kertas kerja ini akan memfokuskan kepada sejarah pembentukan PPB, perkembangan dari segi perjawatan dan peranan PPB masa Brunei di bawah pentadbiran Sistem Residen sehingga 1959 dan pada masa Brunei mencapai taraf kuasa penuh menjalankan pentadbiran dalam negeri setelah pemasyhuran Perlembagaan Negeri Brunei 1959 sehingga 1970an.

### **1. Sejarah Penubuhan PPB**

Perkhidmatan Pentadbiran Brunei atau juga dikenali dengan nama Brunei Administrative Service<sup>1</sup> adalah di antara kumpulan tenaga kerja yang memainkan peranan penting dalam perkhidmatan awam Brunei (Brunei civil service) sebagaimana bidang-bidang profesion yang lainnya. Peranan dan tanggungjawab PPB dalam pentadbiran awam Brunei adalah menjalankan kerajaan-kerajaan berkaitan pengurusan pentadbiran awam. Peranan pegawai-pegawai PPB pada masa Brunei berkuasa penuh menjalankan pentadbiran awam setelah pemasyhuran

---

<sup>1</sup> Perkhidmatan Pentadbiran Brunei sebenarnya lebih dikenali/popular dalam bahasa Inggeris iaitu Brunei Administrative Service atau dengan singkatan akronim BAS. Akronim tersebut lebih cepat dikenali atau *click* daripada akronim PPB yang sebenarnya kurang popular. Ini sama keadaannya dengan di Tanah Melayu, penggunaan akronim MAS (Malay Administrative Service) lebih dikenali daripada akronim PPM (Perkhidmatan Pentadbir Melayu) dan sama sebagaimana MCS (Malayan Civil Service) daripada PAM (Perkhidmatan Awam Malaya).

Perlembagaan Negeri Brunei (PNB) 1959 lebih meluas dan mencabar. Peranan utama pegawai-pegawai PPB pada masa itu meliputi tugas-tugas merancang dasar dan polisi pentadbiran dalam membantu Menteri Besar menjalankan pentadbiran awam.

Walaupun PPB merupakan bidang profesion yang dikatakan salah satu bidang profesion yang tertua yang telah ada sejak awal sistem pentadbiran Residen<sup>2</sup> tetapi tidak diketahui dengan tepat bila PPB mula dibentuk. Tidak ada dokumen atau sumber termasuk sumber Laporan Tahunan Brunei yang menyebutkan dengan jelas mengenai penubuhannya. Kewujudan PPB seolah-olah tidak dibentuk secara yang lebih berperancangan oleh pentadbiran Residen British jika dibandingkan dengan pembentukan perkhidmatan pentadbir di NNMB di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malay Administrative Service (MAS) yang dibentuk pada tahun 1905.<sup>3</sup> Dalam laporan-laporan tahunan Brunei 1907 sehingga 1920an hanya menyebutkan adanya pegawai-pegawai Melayu dari Tanah Melayu dan Sarawak yang diambil berkhidmat sebagai majistret-majistret menjalankan pentadbiran di daerah. Antaranya Encik Mohidin bin Haji Awang, Dato Patinggi Abang Arip, Abang Seruji dan Encik Awang bin Hanafi.<sup>4</sup>

Sumber yang jelas dapat membantu membuktikan kewujudan kumpulan tenaga pentadbir (PPB) ini dapat dilihat dalam *Brunei Estimate* tahun 1938.<sup>5</sup> yang menyenaraikan jawatan-jawatan pegawai-pegawai pentadbir di beberapa jabatan tertentu sebagai Pegawai Pentadbir Tingkatan III, Pegawai Pentadbir Tingkatan II, Pegawai Pentadbir Tingkatan I dan Pegawai Pentadbir Tingkatan Khas sebagaimana berikut:

*Secretary to Resident, Special Grade Adm. Br. (\$3,120-120A-3600)*  
*Superintendent, Trade and Customs, Special Grade Adm. Br.*  
*(\$3,120-120A-3600)*  
*Superintendent of Education, Grade III, Adm. Br. (\$840-60A-1200)*  
*Assistant Collector of Land Revenue, Class II Adm. Br.*  
*(\$1,320-120A-2040)*

---

<sup>2</sup> DSLJ Haji Ahmad bin Mat Nor, *Perkhidmatan Pentadbiran Brunei*, Jurnal Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Brunei, bil. 1, September 1995, hal. 5

<sup>3</sup> Khasnor Johan, *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*, 1984.

<sup>4</sup> Dari tahun 1907 sehingga 1932 hanya terdapat dua orang pegawai Majistret yang terdiri dari anak tempatan iaitu Pengiran Anak Hashim bin Pengiran Anak Bahar menjadi Majistret Daerah Belait sejak tahun 1907 hingga 1930an dan Pengiran Anak Haji Mohamad bin Pengiran Anak Bahar menjadi Majistret Daerah Tutong pada tahun 1924-26.

<sup>5</sup> *State of Brunei Estimate of Revenue and Expenditure for the Year 1938*, hal. 12, 14, 15, 17, 18, 23 dan 24.

*Belait District Officer, Grade I, Adm. Br. (\$2,280-120A-3120)*  
*Tutong District Officer, Grade I, Adm Br. (\$2,280-120A-3120)*  
*Temburong District Officer, Grade II, Adm. Br. (\$1,320-120A-2,040)*  
*Superintendent, Post and Telegraphs, Grade II, Adm. Br*  
*(\$1,320-120A-2,040)*  
*Chief Kathi, Grade II, Adm. Br. (\$1,320-120A-2,040)*

Pegawai-pegawai Melayu yang memegang jawatan-jawatan tersebut ialah Setiausaha kepada Residen dijabat oleh Ibrahim bin Mohd. Jahfar, Pegawai Daerah Belait dijabat oleh Abang Seruji (Pehin Dato Shahbandar)<sup>6</sup>. Manakala jawatan Superintendent of Education dijabat oleh Awang Marsal bin Maun,<sup>7</sup> Pegawai Daerah Temburong dijabat oleh Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar<sup>8</sup> dan Kadi Besar dijabat oleh Khatib Abd. Razak Melayu.

Berdasarkan sumber tersebut menunjukkan PPB tentunya telah ada lebih awal daripada tahun tersebut. Umpamanya jawatan Setiausaha kepada Residen yang dijabat oleh Ibrahim Haji Mohd. Jahfar telah beliau jawat sejak 1935 iaitu jawatan yang baru diadakan pada masa itu.<sup>9</sup> Pembentukan PPB berkemungkinan dijangkakan telah diadakan pada awal tahun 1930an atau malahan dalam lingkungan tahun 1920an. Perkembangan PPB berkemungkinan besar ada hubungkaitnya dengan perkembangan Brunei pada tahun-tahun tersebut iaitu perkembangan ekonomi Brunei dengan adanya penghasilan minyak di Brunei pada tahun 1932. Perkembangan ekonomi juga tentunya membawa kesan kepada perkembangan pentadbiran awam dari segi bertambah luasnya peranan dan fungsi jabatan kerajaan. Ini dapat dilihat dengan penubuhan beberapa jabatan-jabatan baru sejak akhir 1920an. Umpamanya Jabatan Perubatan dan kesihatan (1929), Jabatan Pelajaran, Jabatan Perhutanan (1932) dan Jabatan Pertanian (1937).<sup>10</sup> Jumlah kakitangan kerajaan juga meningkat dua kali ganda dari 232 orang pada 1931 kepada 446 pada 1941. Perkembangan tersebut tentunya turut melibatkan bidang pentadbiran dengan langkah Residen mengadakan lantikan bagi jawatan pegawai-pegawai pentadbiran.

---

<sup>6</sup> Horton, A.V.M., *The Development of Brunei During the British Residential Era, 1906-59: A Sultanate Regenerated Ph. D Thesis, Oktober 1985,*

<sup>7</sup>BA/101035/1978, Suk 192/1957. 'Appointment of Che Marsal bin Maun'.

<sup>8</sup> Horton, A.V.M., *The Development of Brunei...* Oktober 1985,

<sup>9</sup> Ibrahim bin Mohd. Jahfar menjawat *Secretary to Resident* bermula pada tahun 1935 hingga 1945. Lihat Mohd. Jamil Al-Sufri, P.O.K.A.D.D.S.U.(Dr.) Haji Awang, *Catatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 1973, hal. 172.

<sup>10</sup> Horton, A.V.M., *The Development of Brunei ...* Oktober 1985, hal. 304

Ini dapat dibuktikan dengan langkah Residen melantik beberapa pegawai rendah (staf) Melayu yang mempunyai pengalaman dalam bidang kerja pengurusan terutamanya kalangan Kerani-Kerani dilantik menjadi pegawai pentadbir dalam tahun 1930an. Contohnya Ibrahim bin Mohd. Jahfar yang mula memasuki perkhidmatan sebagai kerani pada tahun 1917 telah dilantik sebagai Pegawai Pentadbir pada tahun 1930.<sup>11</sup> Awang Haji Mohd. Taib bin Awang Besar mula memasuki perkhidmatan awam Brunei sebagai Kerani telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Pentadbir pada 1941.<sup>12</sup> Begitu juga dengan beberapa pegawai-pegawai yang lainnya iaitu Encik Sunny bin Ahmat, Encik Ghani bin Hassan, Ali Khan bin Abd. Khan, Encik Ajmain bin Abd. Razak dan Encik Ali bin Besar yang pada awalnya memegang jawatan sebagai Kerani telah dilantik menjadi pegawai pentadbir PPB.

Anak tempatan Brunei yang juga bermula dari jawatan Kerani dilantik sebagai pegawai-pegawai pentadbir antaranya Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Pengiran Abu Bakar bin Duli Pengiran Pemancha Anak Haji Mohd. Salleh, Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, Pengiran Muda Abd. Kahar bin Duli Pengiran Pemancha Haji Mohd. Yassin, Pengiran Abd. Rahman bin Pengiran Abd. Rahim dan Pengiran Othman bin Pengiran Mohd. Salleh.

Pegawai Melayu yang dilantik menjadi pegawai pentadbir adalah terdiri daripada pegawai-pegawai warga Brunei dan pegawai-pegawai yang berasal dari Labuan. Ini menunjukkan pada masa sistem Residen lantikan sebagai pegawai PPB tidak didasarkan kepada syarat 'kewarganegaraan' tetapi berdasarkan kepada kelayakan untuk menjawat jawatan tersebut. Ini dapat diasaskan kepada dua faktor. Pertama, sukar untuk melantik kalangan anak tempatan Brunei yang berkelayakan untuk diambil berkhidmat sebagai pegawai pentadbir disebabkan pendidikan anak tempatan Brunei pada ketika itu masih pada tahap yang rendah. Sehingga akhir 1940an pencapaian pendidikan anak tempatan hanya Darjah IV sekolah Melayu saja.<sup>13</sup> Lantikan pegawai Melayu dari Labuan sebagai pegawai pentadbir adalah kerana tahap pendidikan mereka lebih tinggi, tambahan pula kebanyakannya berpendidikan Inggeris di

---

<sup>11</sup> Mohd. Jamil Al-Sufri, P.O.K.A.D.S.U. (Dr.) Haji Awang, *Catatan Sejarah Perwira...*, DBP, 1973,

<sup>12</sup> Pada tahun 1941 dilantik menjadi Pegawai Daerah. Tahun 1946 dilantik menjadi Setiausaha kepada Residen. Lihat *Mekar* bil. 12, 1974, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, hal. 4

<sup>13</sup> Report of an Education Survey of the Department of Education Brunei. Lihat juga Metassim Haji Jibah, *Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei Dalam Pentadbiran Sistem Residen 1906-59*, Jabatan Museum Brunei, 1983

sekolah Inggeris di Labuan.<sup>14</sup> Kedua, pada masa Brunei di bawah Sistem Residen, Brunei belum mempunyai undang-undang taraf kerakyatan. Lantikan menjadi pegawai pentadbir lebih menekankan dari segi kelayakan dan tidak timbul persoalan kewarnegaraan.

Pengambilan ke PPB mula mengalami perubahan dan perkembangan yang besar setelah kedudukan Brunei berkuasa penuh menjalankan pentadbiran dalam negeri setelah Perlembagaan Negeri Brunei (PNB) 1959. Syarat pengambilan atau lantikan pegawai-pegawai PPB ditetapkan mestilah terdiri daripada kalangan rakyat Brunei:

“...Pengambilan mereka itu (dimaksudkan pegawai-pegawai PPB) ini hanyalah terbuka kepada rakyat negara ini iaitu bangsa Melayu, beragama Islam dan mempunyai kelulusan dan kesesuaian yang tertentu, termasuklah kelulusan dalam Peperiksaan Pentadbiran.”<sup>15</sup>

Penetapan dasar tersebut mungkin berhubungkait dengan adanya Undang-Undang Taraf kerakyatan Brunei pada 1961. Ini dapat dilihat pada pengambilan pertama pegawai-pegawai pentadbir kadet dipersyaratkan hendaklah terdiri daripada anak jati Brunei dan mempunyai kelulusan *Senior Cambridge*.<sup>16</sup>

## 2. Perkembangan PPB Dalam Perjawatan

Dari segi perjawatan, pada masa awal pentadbiran sistem Residen tidak terdapat skim atau syarat-syarat ‘khusus’ untuk memasuki perkhidmatan pentadbiran. Lantikan ke perkhidmatan pentadbir bagi pegawai-pegawai Melayu adalah berdasarkan kenaikan pangkat secara ‘rank and file’.<sup>17</sup> Ini dapat dilihat kenaikan beberapa pegawai Melayu yang menjawat jawatan Kerani di jabatan-jabatan kerajaan ke jawatan pegawai pentadbir. Kenaikan pangkat ke jawatan pentadbir juga adalah berdasarkan kepada sokongan kuat Residen sebagaimana contoh berikut:

“... I propose to appoint Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, Supervisor of

---

<sup>14</sup>Di antara pegawai-pegawai dari Labuan yang berpendidikan sekolah Inggeris dari Labuan ialah Ghani bin Hassan, Sunny bin Ahmat, Ali Khan bin Abd. Khan, Ajamain bin Abd. Razak, Ali bin Awang Besar.

<sup>15</sup> Abd. Aziz Umar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia, Haji Awang, *Beriga*, Bil. 8, Julai- September 1985, hal. 44

<sup>16</sup> Wawancara dengan Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup pada 6 Jun 2002

<sup>17</sup> Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup pada 11 Jun 2002

Customs, Brunei, (Clerical Service Division A, Grade I) to act as Assistant Collector of Land Revenue, Brunei and Muara... This temporary appointment will not of itself mean promotion to the Brunei Administrative Service but if he proves satisfactory and shows good promise in it after six months in the Brunei Land Office, I will recommend to the State Council his appointment to Class III, B.A.S. on 12 months probation on a salary of \$100 per month.”<sup>18</sup>

Ini jelas menunjukkan kuasa dan pengaruh Residen sebagai ketua pentadbir perkhidmatan awam menentukan kenaikan pangkat (lantikan) sebagai pegawai pentadbir termasuk kenaikan pangkat ke jawatan pegawai pentadbir kanan.<sup>19</sup> Sokongan Residen juga adalah berdasarkan kepada laporan dan sokongan ketua jabatan pegawai yang berkenaan. Saokongan tersebut di bawa ke Majlis Mesyuarat Negeri. Pada masa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III dalam tahun-tahun 1950an juga mengikuti prosedur yang sama iaitu cadangan Residen untuk kenaikan pangkat sebagai pegawai pentadbir juga dihadapkan kepada Majlis Mesyuarat Negeri untuk mendapat persetujuan ahli majlis.<sup>20</sup>

Lantikan memasuki PPB mengalami perubahan yang besar pada masa Brunei berkuasa penuh menjalankan pentadbiran dalam negeri setelah PNB 1959. Kemasukan sebagai pegawai pentadbir termasuk kenaikan pangkat adalah berasaskan kepada peperiksaan. Syarat memasuki skim pegawai pentadbir kadet hendaklah mempunyai kelulusan *Senior Cambridge*.<sup>21</sup> Titik tolak perkembangan ini bermula dengan pengambilan seramai 11 orang anak jati Brunei sebagai pegawai pentadbir kadet. Mereka ialah Mohd. Salleh Haji Hidup, Judin bin Asar, Mohammad bin Haji Serudin, Abdullah bin Jaafar, Chuchu bin Abdullah, Yaakub bin Ahmad, Yunos bin Mohd. Hussein, Pengiran Jeludin bin Pengiran Limbang, Puasa bin Tudin, Sidek bin Yahya dan Yahya bin Harris<sup>22</sup>.

Pengambilan tersebut menunjukkan satu lagi perkembangan besar dalam pentadbiran awam Brunei. Pertama, kali pertama diadakan skim pengambilan pegawai kadet dan dalam jumlah yang banyak. Sebelum ini lantikan sebagai pegawai pentadbir lebih bersifat lantikan secara

---

<sup>18</sup> BA/11013/1978, BRO/487/1946, ‘Appointment of Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba as District Officer’.

<sup>19</sup> Pada masa pentadbiran Sistem Residen tingkat jawatan dalam pentadbiran ialah Pegawai Pentadbir Tingkat III, Pegawai Pentadbir Tingkat II, Pegawai Pentadbir Tingkat I dan Pegawai Pentadbir Tingkat Khas.

<sup>20</sup> BA/11255/1978, BRO/173/1954, ‘Appointment of Ajamain bin Abd. Razak of Brunei Administrative Office’.

<sup>21</sup> Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup pada 11 Jun 2002

<sup>22</sup> Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup pada 11 Jun 2002

kenaikan pangkat. Kedua, skim pengambilan dibukakan kepada pelajar Brunei yang mempunyai kelulusan *Senior Cambridge*<sup>23</sup> Pengambilan dalam jumlah yang banyak bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai pentadbir dalam perkhidmatan awam pada masa itu. Lebih-lebih lagi pada masa perkembangan Brunei dalam era transisi pentadbiran iaitu setelah PNB 1959. Tenaga pegawai-pegawai pentadbir amat diperlukan bagi membantu Menteri Besar menjalankan pentadbiran awam.

Pengambilan pegawai pentadbir kadet berikutnya ialah pada 1966 seramai lapan orang iaitu Awang Haji Abu Bakar bin Sapar, Awang Haji Md. Kassim bin Haji Johan, Awang Othman bin Damit, Pengiran Ali Hassan bin Pengiran DSLJ Haji Abas, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu, Awang Aliakbar bin Abu Bakar dan Awang Zainal Abidin bin Penghulu Haji Ibrahim.<sup>24</sup> Selain itu terdapat juga lantikan beberapa orang anak tempatan Brunei yang berkelulusan Ijazah sebagai pegawai pentadbir. Antara yang terawal ialah Awang Haji Abd. Aziz Haji Umar<sup>25</sup> dan Awang Haji Zakaria bin Haji Sulaiman.<sup>26</sup> Lantikan mereka adalah sebagai Pegawai Pentadbir Tingkatan I berbeza dengan lantikan pegawai-pegawai pentadbir kadet lulusan *Senior Cambridge* sebagai Pegawai Pentadbir Tingkatan II. Kemudian diikuti dengan lantikan beberapa orang pegawai berijazah yang lainnya yang diambil dari masa ke semasa. Antaranya Awang Kassim bin Haji Daud, Awang Ahmad bin Jumaat, Awang Abd. Rahman bin Haji Md. Taib, Awang Omar bin Serudin, Awang Abdul Rahman bin Haji Karim. Jumlah tersebut bertambah lagi pada tahun-tahun 1970an. Pengambilan pegawai-pegawai berijazah memasuki perkhidmatan pentadbiran tidak ditetapkan bidang ijazahnya.<sup>27</sup>

Dari segi kenaikan pangkat pegawai-pegawai pentadbir pada masa Sistem Residen adalah berdasarkan kepada faktor kecekapan kerja, senioriti, pengalaman dan sebagainya.. Tidak ada sistem peperiksaan bagi kenaikan pangkat ke satu-satu tingkatan pangkat dalam PPB. Ini

---

<sup>23</sup> Di samping itu ada juga di antaranya yang telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup pada 6 Jun 2002

<sup>24</sup> Wawancara dengan DP Awang Haji Abu Bakar bin Sapar pada 24 Oktober 2002

<sup>25</sup> Sekarang Yang Dimuliakan pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Haji Awang Umar.

<sup>26</sup> Sekarang Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria bin Haji Sulaiman.

<sup>27</sup> Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Ahmad Matnor pada 16 Oktober 2002. Menurut DSLJ bukan saja ijazah lulusan dalam bidang sains sosial sahaja diterima memasuki BAS, malahan bidang sains tulen jika pelajar tersebut berminat memasuki kerjaya dalam bidang pentadbiran.

berbeza dengan perkhidmatan pentadbiran di Tanah Melayu. Dalam Malayan Administration Service (MAS) kenaikan pangkat adalah berasaskan kepada pepereksaan terutamanya pepereksaan yang berkaitan dengan bidang undang-undang. Keadaan ini berbeza pada masa Brunei berkuasa penuh menjalankan pentadbiran dalam negeri. Kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada pepereksaan di samping faktor-faktor lain yang hampir sama pada masa pentadbiran sistem Residen dari aspek prestasi kerja, kepimpinan, disiplin dan pengalaman kerja.

Dari segi latihan/kursus pada masa awal pentadbiran sistem Residen peluang bagi pegawai-pegawai PPB mengikuti latihan sangat terbatas. Sehingga akhir tahun 1940an tidak terdapat laporan yang menyebutkan adanya pegawai-pegawai PPB dihantar mengikuti latihan atau kursus.<sup>28</sup> Hanya dalam tahun-tahun 1950an terdapat sebahagian kecil pegawai PPB diberi peluang mengikuti latihan di luar negeri. Umpamanya pada tahun 1955 dua orang pegawai pentadbir iaitu Sunny bin Ahmat dan Patrick McAffee telah dihantar mengikuti kursus pentadbiran di United Kingdom.<sup>29</sup> Pada 1957, tiga orang pegawai pentadbir, Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin, Pengiran Abd. Rahman bin Pengiran Abd. Rahim dan Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dicadangkan untuk mengikuti kursus atas tawaran yang diuruskan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Sarawak bagi pengantaran pegawai-pegawai pentadbir bersama dengan pegawai-pegawai pentadbir dari Sarawak.<sup>30</sup> Selain kursus di United Kingdom terdapat juga pegawai PPB yang dihantar mengikuti kursus di Kanada di bawah program *Colombo Plan Trainee* iaitu Ajamain bin Abd. Razak yang telah mengikuti kursus pada tahun 1959 sehingga May 1960.<sup>31</sup> Kemudian pada 1960 seorang lagi pegawai pentadbir,

---

<sup>28</sup> Ini penulis dasarkan kepada sumber *Brunei Annual Report* pada awal tahun 1930an sehingg 1941 dan 1946 hingga 1950. Dalam Brunei Annual Report dalam lingkungan tahun tersebut ada melaporkan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan kerajaan yang dihantar mengikuti kursus di luar negeri terutamanya di Tanah Melayu. Tetapi kebanyakan pegawai-pegawai yang dilaporkan mengikuti latihan dan kursus terdiri daripada pelbagai jawatan bidang teknikal di jabatan-jabatan berkenaan. Tidak terdapat laporan yang menyebutkan nama pegawai-pegawai BAS dihantar mengikuti latihan dan kursus.

<sup>29</sup> BA/11387/1978,BRO/466/1956, 'Training of Brunei Administrative Officers in United Kingdom in 1957'.

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> BA/11255/1978,BRO/173/1954, 'Appointment of Ajamain bin Abd. Razak of the Brunei Administrative Office'.

Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohd. Yassin telah dihantar mengikuti kursus di tempat tersebut.<sup>32</sup>

Sehingga 1959 peluang mengikuti kursus untuk pegawai-pegawai pentadbir tidak terbuka luas. Salah satu sebabnya ialah kerana masalah kurang keupayaan di kalangan beberapa pegawai PPB menguasai (dengan baik?) bahasa Inggeris. Kerana itu bagi cadangan mengantar beberapa pegawai PPB mengikuti kursus pentadbiran di Devon Technical College, Torquay, England, Residen telah mengarahkan *British Council* supaya mengadakan ujian bertulis bagi calon-calon berkenaan.<sup>33</sup>

Peluang mengikuti latihan bagi PPB hanya terbuka lebih luas pada masa Brunei berkuasa penuh menjalankan pentadbiran dalam negeri. Pada tahun 1962 serama 11 orang pegawai pentadbir kadet telah dihantar mengikuti latihan di Persekutuan Tanah Melayu di berbagai kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan selama enam bulan. Pegawai-pegawai tersebut kemudian dihantar mengikuti latihan di United Kingdom dan di Kanada. Pegawai-pegawai yang dihantar mengikuti kursus Diploma dalam 'Social and Development Studies' di South Devon Technical College, Torquay, England ialah Abdullah bin Jaafar, Awang Mohd. Salleh bin Hidup dan Awang Mohd. Yunos bin Mohd. Hussain pada 1964-1965 untuk selama sembilan bulan, Awang Chuchu bin P.A. Haji Abdullah pada 1966-1967 dan Awang Mohd. Hassan bin Mohd. Yusof pada 1968-69.<sup>34</sup>

Manakala pegawai-pegawai pentadbir yang mengikuti kursus Pentadbiran Awam di Carleton, Universiti Ottawa, Kanada ialah Awang Sidek bin Yahya selama sembilan bulan pada 1964/65, Awang Yaakub bin Ahmad pada 1965/1966, Awang Mohamad bin Haji Serudin pada 1967-1968 dan Awang Puasa bin Tudin pada 1968-1969.<sup>35</sup> Juga pengantaran pegawai-pegawai kadet pengambilan tahun 1966 mengikuti kursus di South Devon Technical College, United Kingdom iaitu Awang Haji Abu Bakar bin Haji Sapar, Pengiran Omar bin Pengiran Haji Sabtu

---

<sup>32</sup> BA/11585/1978,SUK/E/378/1947, 'Appointment of Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Anak Mohd. Yassin (a) as A.D.C. to H.H. (2) as Ast of District Officer'.

<sup>33</sup> BA/11387/1978,BRO/466/1956, 'Training of Brunei Administrative Officers in United Kingdom in 1957'.

<sup>34</sup> BA/11580/1978,SUK/E/200/1947, 'Appointment of Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh as BAS Tingkatan I.

<sup>35</sup> *Ibid.*

pada tahun 1970-1971, Zainal Abidin bin Ibrahim tahun 1971-1972, Pengiran Ali Hassan bin Pengiran DSLJ Haji Abas dan Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan tahun 1972-73.<sup>36</sup> Pengantaran pegawai-pegawai pentadbir kadet mengikuti kursus 'Diploma In Public and Social Administration' bagaimanapun hanya dibuat sehingga tahun 1976.<sup>37</sup> iaitu Awang Talib bin Haji Berudin pada 1975 dan Awang Ibrahim bin Haji Karim pada 1976.<sup>38</sup> Selepas itu tidak diadakan lagi penambilan pegawai-pegawai kadet daripada lulusan *Senior Cambridge*.

Pegawai-pegawai pentadbir kalangan berijazah juga telah didedahkan mengikuti latihan/kursus di beberapa institusi yang berkaitan dengan bidang pentadbiran bagi menambahkan lagi pengalaman dan pengetahuan mereka. Antaranya Awang Zakaria bin Haji Sulaiman mengikuti kursus di Pusat latihan Kakitangan, Petaling Jaya Malaysia pada 1966 selama dua minggu dan juga penempatan dia beberapa kementerian Kerajaan Malaysia, Kuala Lumpur selama enam minggu. Awang Kassim bin Haji Mohd. Daud mengikuti kursus 'Course in Personnel Work In Public Administration' di Royal Institute of Public Administration (R.I.P.A.) di London pada 1975 selama dua belas minggu dan 'Course In Management Services for Senior Officers from Developing Countries, R.I.P.A. di London juga selama dua belas minggu.<sup>39</sup> Awang Ahmad bin Dato Matnor mengikuti latihan Diploma in Advanced Studies In Development Administration, University Manchester, United Kingdom pada September 1977 hingga Jun 1978.<sup>40</sup>

Pegawai-pegawai PPB juga sebahagiannya telah mengikuti kursus atau penempatan dalam bidang-bidang yang berhubungan dengan dasar-dasar pentadbiran. Umpamanya Yang Berhormat P.O.K. Laila Wijaya Dato Setia Awang Haji Awang Abd. Aziz bin Begawan P.U.K. Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Setia Usaha Kerajaan telah mengikuti latihan penempatan dalam 'ECAFE Socioeconomic Planning Cum Study Tour In Bangkok, Thailand' pada 1967 selama enam bulan. D.S.L.J. Haji Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji sulaiman mengikuti latihan di United Nation Institute for Development and Planning di Bangkok. Kursus mengenai project Development and Appraisal for Development Bankers pada 1973

---

<sup>36</sup> *Senarai Pegawai-Pegawai Yang Telah Menjalani Latehan Dalam Perkhidmatan Di-Luar Negeri (Sa-Hingga Tahun 1978, Yunit Latehan Jabatan Perjawatan*

<sup>37</sup> Wawancara dengan DP Awang Haji Abu Bakar bin Sapar pada 2 November 2002

<sup>38</sup> *Senarai Pegawai-Pegawai ... Yunit latihan, Jabatan Perjawatan*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Ahmad bin Dato Paduka Matnor pada 16 Oktober 2002

selama dua belas minggu dan Familiarisation Attachment di land Office, National Development di Singapura pada 1974 selama enam minggu.

Jelasnya dalam tahun-tahun 1970an menunjukkan lebih banyak peluang latihan telah diberikan kepada pegawai-pegawai pentadbir. Keadaan ini disebabkan dua faktor utama. Pertama pentadbiran pada masa Brunei berkerajaan sendiri dalam negeri bermatlamat untuk meningkatkan kemajuan anak tempatan yang memegang jawatan pegawai-pegawai pentadbir. Ini memandangkan peranan pegawai-pegawai pentadbir dalam merancang dan melaksanakan pentadbiran awam. Kedua, latihan kursus lebih terbuka luas kerana pencapaian tahap pendidikan pegawai-pegawai pentadbir membolehkan mereka mengikuti kursus/latihan penempatan termasuk menghadiri seminar-seminar dan persidangan di luar negeri.

## **6. Peranan Pegawai-Pegawai PPB**

Pada masa awal pentadbiran Residen, pegawai-pegawai Melayu yang dilantik sebagai pegawai-pegawai pentadbir kebanyakannya ditugaskan sebagai pegawai majistret yang mentadbir daerah. Di samping menjalankan pentadbiran daerah, pegawai-pegawai majistret juga bertugas sebagai pemungut hasil tanah (Assistant land Revenue) di daerahnya. Pegawai-pegawai majistret sebagai pegawai pentadbir juga biasanya diaturnya bertukar dari satu daerah ke daerah yang lain. Sebagai contoh, Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohd. Salleh dilantik sebagai Pegawai Daerah Temburong pada tahun 1935, Pegawai Daerah Brunei dan Muara pada 1946, Pegawai Daerah Tutong pada 1956 dan Pegawai Daerah Belait pada 1962. Pengiran Abu Bakar bin Omar ditugaskan sebagai Pegawai Daerah Temburong pada 1 Februari 1948, Pegawai Daerah Belait pada 15 Mei 1949, Pegawai Daerah Temburong pada 1 Februari 1950, Pegawai Daerah Seria pada 16 Februari 1955 dan Pegawai Daerah Temburong pada 15 Ogos 1955. Begitu juga jawatan Penolong Pegawai Daerah di daerah-daerah apabila jawatan tersebut diadakan, pegawai-pegawai pentadbir tersebut ditugaskan sebagai pentadbir dari satu daerah ke daerah yang lain.

Pegawai-pegawai pentadbir selain bertugas sebagai Pegawai Daerah terdapat juga pegawai pentadbir yang ditugaskan di beberapa jabatan 'bidang profesional' menjalankan tugas atau

memangku sebagai ketua jabatan kerana ketiadaan pegawai profesional mengisikan jawatan tersebut pada sesuatu masa. Sebagai contoh antaranya sebagai Penguasa Pos dan Telegraf (Superintendent of Post and Telegraph) di Pejabat Pos, Awang Ajmain bin Abd. Razak ditugaskan di pejabat Tanah,<sup>41</sup> Awang Sunny bin Ahmad memangku Pegawai Perhutanan<sup>42</sup> dan dua orang pegawai PPB pernah diatitkan menjalankan tugas sebagai Kadi iaitu Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemanha Mohd. Salleh dilantik menjadi Kadi Daerah Temburong dan Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba diatitkan sebagai Kadi Daerah Tutong.

Tugas dan peranan pegawai-pegawai pentadbir pada masa Brunei berkuasa penuh menjalankan pentadbiran dalam negeri setelah PNB 1959 semakin meluas. Selain ditugaskan sebagai Pegawai-Pegawai Daerah dan Penolong-Penolong Pegawai Daerah dan ditempatkan di beberapa jabatan bidang profesional mengetua jabatan kerana ketiadaan pegawai profesional. Dengan terbentuknya Pejabat Setia Usaha Kerajaan beberapa pegawai pentadbir telah ditempatkan di Pejabat Setia Usaha Kerajaan membantu Menteri Besar menjalankan pentadbiran. Umpamanya pada tahun 1960 dengan penubuhan pusat sekretariat tiga orang pegawai PPB telah dilantik sebagai Penolong Setia Usaha Kerajaan. Mereka berperanan membantu Setia Usaha Kerajaan menjalankan pentadbiran di sekretariat. Peranan mereka dalam pentadbiran semakin meluas kerana selaku pegawai-pegawai pentadbir di pusat pentadbiran bertanggungjawab sebagai pegawai yang menyelaras kerja-kerja pentadbiran. Umpamanya Inche Mohammad Taib bertanggungjawab bagi Majlis-Majlis Mesyuarat, urusan adat istiadat, lawatan orang ternama dalam dan luar negeri, perkara berkaitan dengan istana, lembaga bandaran dan pejabat daerah. Mr. W.I. Glass bertanggungjawab menyelaras perhubungan dan jabatan Polis, Penjara, Mahkamah, Kastam, Audit dan sebagainya. Inche Ajmain bertanggungjawab ke atas jabatan Penerangan, Radio, Imigresen, pelajaran dan Elektrik dan sebagainya.

Jumlah pegawai-pegawai PPB di sekretariat bertambah apabila peranan dan tanggungjawab Pejabat Setia Usaha Kerajaan semakin meluas. Pada 1970 terdapat ramai pegawai-pegawai

---

<sup>41</sup> BA/11255/78, BRO/173/1954, 'Appointment of Ajmain bin Abd. Razak of Brunei Administrative Office'.

<sup>42</sup> *Brunei Annual Report 1959*, hal. 49

PPB yang ditugaskan sebagai Penolong-Penolong Setia Usaha. Awang Abidin Abd. Rashid sebagai Penolong Setia Usaha Pentadbir Am, Awang Puasa bin Tudin sebagai Penolong Setia Usaha Kemasyarakatan, Awang Yaakub bin Ahmad sebagai Penolong Setia Usaha Pentadbiran Tempatan, Awang Jaya bin Laif sebagai Penolong Setia Usaha Kemajuan dan Perhubungan, Awang Zakaria bin Sulaiman sebagai Penolong Setia Usaha Undang-Undang dan Keselamatan, Awang Haji Abd. Aziz Haji Umar sebagai Penolong Setia Usaha Ekonomi. Setiap pegawai pentadbir berperanan sebagai pegawai penyelaras dalam bidang yang diatitkan kepada mereka.

Pada masa perkembangan politik di Brunei, pegawai-pegawai PPB telah dilibatkan dengan tugas-tugas menjalankan urusan pilihanraya pada masa perkembangan politik di Brunei pada 1960an. Apabila kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Darurat selepas peristiwa pemerontakan di Brunei dua orang pegawai pentadbir telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa tersebut iaitu Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar dan W.I. Glass. Peranan mereka selaku ahli jawatankuasa ialah membuat rancangan bagi memberi bantuan kepada ahli keluarga tahanan pemberontak PRB dan mangsa banjir. Pegawai-Pegawai Daerah dan Penolong-Penolong Pegawai Daerah di daerah-daerah juga membantu jawatankuasa tersebut.<sup>43</sup>

Pada tahun 1964 apabila Majlis Mesyuarat Daerah dibentuk, pegawai-pegawai PPB terutamanya Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah terlibat secara langsung sebagai Pengerusi Majlis dan Penolong Pegawai Daerah sebagai Setiausaha. Peranan mereka dalam majlis tersebut ialah mengaturkan mesyuarat majlis daerah dan memandu ahli-ahli majlis dalam membincangkan agenda permesyuaratan supaya cadangan dan usul yang dikemukakan, dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat tidak lari daripada dasar yang ditetapkan dalam bidang kuasa majlis.<sup>44</sup>

Malahan terdapat juga pegawai pentadbir yang dilantik dalam pelbagai ahli jawatankuasa dan ahli lembaga. Umpamanya lantikan Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar sebagai Pengerusi

---

<sup>43</sup> Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup pada 11 Jun 2002.

<sup>44</sup> Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup pada 11 Jun 2002

Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan pada awal tahun 1960.<sup>45</sup> Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim dilantik sebagai Setiausaha bagi Jawatankuasa Penapis Gambar-Gambar Filem dan Penghiburan Orang Ramai. Pegawai-pegawai PPB yang dilantik sebagai Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah dilantik sebagai pengerusi/naib pengerusi/ahli Lembaga Melesan bagi daerah-daerah.<sup>46</sup>

Jelasnya peranan PPB mengalami perkembangan pesat dari segi perjawatan dan peranan dan tanggungjawab dalam pentadbiran khususnya pada masa Brunei berkuasa penuh menjalankan pentadbiran dalam negeri. Perkembangan ini adalah kerana tugas berat yang harus sama dipikul dan dipertanggungjawabkan kepada pegawai-pegawai pentadbir dalam membantu Menteri Besar menjalankan pentadbiran awam merancang, menyusun dan melaksanakan dasar-dasar dan polisi pentadbiran awam Brunei bagi kemajuan Negara Brunei Darussalam..

---

<sup>45</sup> *Pelita Brunei* 20 April 1960, hal. 1

<sup>46</sup> *Undang-Undang Negeri Brunei, Bahagian II*, 1963, hal. 17

## Rujukan

Abd. Aziz Umar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia, Haji Awang, *Beriga*, Bil. 8, Julai- September 1985

Ahmad bin Mat Nor, Haji, DSLJ, *Perkhidmatan Pentadbiran Brunei*, Jurnal Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Brunei, bil. 1, September 1995

Horton, A.V.M., *The Development of Brunei During the British Residential Era 1906-59: A Sultanate Regenerated*, Ph. D Thesis, October 1985

Khasnor Johan, *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*, 1984.

Metassim Haji Jibah, *Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei Dalam Pentadbiran Sistem Residen 1906-59*, Jabatan Museum Brunei, 1983

Mohd. Jamil Al-Sufri, P.O.K.A.D.D.S.U.(Dr.) Haji Awang, *Catatan Sejarah Perwira dan Pembesar Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 1973

Report of an Education Survey of the Department of Education Brunei.

*Senarai Pegawai-Pegawai Yang Telah Menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan Di-Luar Negeri (Se-Hingga Tahun 1978)*, Yunit latihan, Jabatan Perjawatan

*State of Brunei Estimate of Revenue and Expenditure for the Year 1938*

*Brunei Annual Report 1959*

*Pelita Brunei*, 20 April 1960

*Undang-Undang Negeri Brunei, Bahagian II*, 1963

BA/101035/1978, SUK 192/1957. 'Appointment of Che marsal bin Maun'

BA/11013/1978, BRO/487/1946, 'Appointment of Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba as District Officer'

BA/11255/1978, BRO/173/1954, 'Appointment of Ajamain bin Abd. Razak of Brunei Administrative Office'

BA/11387/1978, BRO/466/1956, 'Training of Brunei Administrative Officers in United Kingdom in 1957'

BA/11585/1978, SUK/E/378/1947, 'Appointment of Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Anak Mohd. Yassin

BA/11580/1978,SUK/E/200/1947, 'Appointment of Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh as BAS Tingkatan I

Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup

Wawancara dengan DSLJ Awang Haji Ahmad bin Dato Paduka Matnor

Wawancara dengan DP Awang Haji Abu Bakar bin Sapar

